

## AQSA DI HATIKU

12 JANUARI 2024 | 30 JAMADILAKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ  
يُضِلِّهِ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ  
الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita berusaha meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangannya. Mudah-mudahan kita beroleh keampunan di dunia dan akhirat.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

"Al-Aqsa" adalah perkataan Arab yang bermaksud "tempat suci yang paling jauh" atau "masjid yang paling jauh". Ia terletak di Kota Lama Baitulmaqdis, Palestin. Al-Quran menamakan Palestin sebagai al-Ardhal al-Muqaddasah yang bermakna tanah yang suci sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Maidah ayat 21:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَنْقُومِ ادْخُلُوا الْأَرْضَ الْمُقَدَّسَةَ الَّتِي كَتَبَ اللَّهُ لَكُمْ وَلَا تَرْتَدُّوا عَلَىٰ أَدْبَارِكُمْ  
فَتَنْقَلِبُوا خَاسِرِينَ

**Yang bermaksud:** “(Musa berkata lagi), “Wahai kaumku, masuklah ke Tanah Suci (Palestin) yang telah diperintahkan oleh Allah untuk kamu (memasukinya); dan janganlah kamu lari berundur ke belakang, (jika kamu berundur) maka kelak kamu menjadi orang yang rugi (di dunia dan di akhirat)”.

Ayat ini menjelaskan bahawa rakyat Palestin dilarang keluar meninggalkan negara mereka kerana ini merupakan perintah Allah Subhanahu wa Taala supaya dapat mempertahankan dan menjaga kesucian al-Aqsa.

Rasa cinta dan sayang kepada Palestin dan Al-Aqsa mestilah sentiasa berada dalam hati umat Islam kerana disanalah terletaknya Masjidil Aqsa yang merupakan kiblat pertama umat Islam. Ia juga adalah masjid ketiga termulia selepas Masjid al-Haram di Mekah dan Masjid al-Nabawi di Madinah.

Masjidil Aqsa disebut dalam al-Quran sebagai tempat persinggahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa peristiwa Isra' dan Mikraj. Di situ jugalah Baginda telah mengimamkan solat kepada para anbia'. Al-Masjidil Aqsa juga adalah binaan kedua yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim Alaihi al-Salam setelah Kaabah. Ia berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari. Abu Zar Radiallahu Anhu pernah bertanya kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

**Yang bermaksud:** *“Wahai Rasulullah, masjid apa yang paling awal dibina? Baginda menjawab: Masjidil Haram. Abu Zar bertanya lagi : Kemudian masjid apa? Baginda menjawab :Masjidil Aqsa. Saya (Abu Zar) bertanya lagi : Berapakah tempoh binaan antara kedua masjid tersebut? Baginda menjawab : 40 tahun. Kemudian dimana sahaja kamu mampu menunaikan solat di tempat itu maka tunaikanlah solat di situ kerana ada kelebihan di tempat itu.”*

Masjidil Aqsa adalah salah satu masjid yang digalakkan untuk diziarahi dan berusaha untuk sentiasa menziarahinya sebagaimana kita menziarahi Masjidil Haram Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah. Rasulullah Sallallahu Alaihi

Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

وَلَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ مَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى  
وَمَسْجِدِي هَذَا

**Yang bermaksud:** *“Tidak digalakkan bermusafir melainkan ke tiga buah masjid, Masjid Al-Haram (Mekah), Masjidil Aqsa dan masjid saya ini (Masjid Nabawi).”*

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Berdasarkan dalil dan bukti-bukti yang telah dinyatakan maka sesungguhnya isu penjajahan Zionis Israel terhadap umat Islam Palestin dan kemulian Masjidil Aqsa bukanlah isu kemanusiaan semata-mata, bahkan ia melibatkan isu akidah umat Islam, tanah air, maruah dan peradaban. Bumi Palestin dan Masjidil Aqsa wajib dipertahankan oleh umat Islam seluruh dunia. Palestin dan Masjidil Aqsa semakin terancam dengan apa yang telah dilakukan oleh bangsa Yahudi laknatullah.

Kezaliman demi kezaliman dilakukan oleh rejim Zionis yang bermula pada tahun 1948 setelah terbinanya negara haram Israel. Ia adalah rentetan daripada tuntutan dan dakwaan Zionis Israel yang mengatakan bahawa kawasan Masjidil Aqsa itu adalah Temple Mount iaitu kuil suci bagi orang Yahudi. Sejak berzaman lagi orang Yahudi telah berusaha untuk meruntuhkan Masjidil Aqsa bermula dengan siri pengebomannya terhadap masjid ini pada tahun 1980 setelah mereka berusaha untuk membakarnya pada tahun 1969. Pencerobohan ke atas bumi al-Aqsa tidak akan dihentikan oleh pihak Zionis sehingga mereka menawan keseluruhan Bumi Palestin.

#### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala.**

Islam mengajar kita bahawa umat Islam adalah bersaudara dan wajib dibela. Amatlah salah, kita membiarkan saudara kita di Palestin menderita, tanpa kita melakukan apa-apa.

Umat Islam tidak boleh bergantung kepada simpati dan bantuan golongan kuffar untuk membantu Agama Islam. Allah Subhanahu wa-Taala memberi peringatan kepada kita bahawa golongan kuffar tidak sekali-kali akan melindungi Islam dan

umatnya melainkan mereka dijadikan ikutan. Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Baqarah ayat 120:

وَلَنْ تَرْضَىٰ عَنْكَ الْيَهُودُ وَلَا النَّصَارَىٰ حَتَّىٰ تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ

**Yang bermaksud:** “Dan orang Yahudi dan Nasrani tidak sekali-kali akan bersetuju kepada kamu (wahai Muhammad) hingga kamu mengikuti agama mereka (yang telah terpesong itu).”

Oleh itu umat Islam hendaklah mempertahankan dan menyelamatkan Masjidil Aqsa serta umat Islam di Palestin terus kekal berada di Palestin. Usaha-usaha untuk memindahkan mereka keluar daripada Palestin adalah bertentangan dengan perintah Allah Subhanahu wa Taala.

Dengan itu, marilah kita menghulurkan apa-apa bantuan termasuk doa bagi membantu pembebasan Palestin dan Masjidil Aqsa kerana ia adalah tanggungjawab semua umat Islam di dunia ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
ذَلِكَ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي  
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.